

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
16 February 2016

Sidang kemuncak khas ASEAN-Amerika Syarikat

Pengiktirafan AS - Najib

Um - 16/2/2016



Zulkefli Hamzah

Melaporkan dari
LOS ANGELES, AMERIKA SYARIKAT

■ SUNNYLANDS (CALIFORNIA) 15 FEB.

DATUK Seri Najib Tun Razak yang mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) di sini, esok berkata, mesyuarat khas itu menggambarkan pengiktirafan Washington terhadap pentingnya hubungan strategik, diplomatik dan ekonomi dengan kumpulan 10 negara tersebut.

Menurut Perdana Menteri, Sidang Kemuncak ASEAN-AS keempat dan pertama kali diadakan di luar ASEAN itu merupakan mesyuarat yang signifikan kepada kedua-dua pihak.

Malaysia yang kini bertindak sebagai negara penyalaras ASEAN+AS, katanya, ini adalah sidang kemuncak pertama selepas hubungan dinaik taraf daripada rakan dialog kepada perkongsian strategik pada November lalu di Kuala Lumpur.

"Sidang kemuncak ini akan memberikan para pemimpin peluang bagi menegaskan iltizam mereka terhadap asas-asas perkongsian strategik dan menyediakan panduan untuk bergerak ke depan," katanya di sini.

Presiden Barack Obama dan pemimpin tertinggi ASEAN akan berkumpul di estet Annenberg, lokasi istirahat dan pemukiman eksklusif yang menyamai peranan Kem David yang hanya digunakan untuk pertemuan-pertemuan penting dan utama sahaja.

Semua ketua kerajaan negara ASEAN kecuali Myanmar hadir ke sidang kemuncak itu yang disusun dalam suasana santai. Difahamkan, ketua kerajaan dan delegasi pada sesi



Sidang kemuncak ini akan memberikan para pemimpin peluang bagi menegaskan iltizam mereka terhadap asas-asas perkongsian strategik dan menyediakan panduan untuk bergerak ke depan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

ini digalakkan berpakaian kasual.

Sesi pertama pertemuan esok akan membincangkan topik bagi menggalakkan inisiatif keusahawanan Komuniti Ekonomi ASEAN sebelum diakhiri dengan makan malam dihoskan oleh Obama.

Mesyuarat semasa makan malam ini terhad dihadiri oleh ketua kerajaan dan menteri luar masing-masing sahaja yang akan berbincang tentang hubungan strategik serantau.

Hari kedua pula dijangka akan memfokus kepada perbincangan untuk menggalakkan keamanan, kemakmuran dan keselamatan di Asia Pasifik sebelum satu kenyataan bersama dikeluarkan.

Antara isu yang dijangka dibangkitkan pada hari terakhir sidang kemuncak ini ialah jenayah rentas sempadan, keganasan dan keselamatan di Laut China Selatan berikutan isu tuntutan bertindih dan kehadiran tentera China di perairan berikutan.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan In-

dustri, Datuk Seri Mustapa Mohamed yang akan terlibat dalam sesi hari pertama berkata, perkara yang dibincangkan ialah tentang menggalakkan inovasi keusahawanan, ekonomi digital dan inisiatif teknologi hijau.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, katanya, dalam sesi itu para pemimpin akan diberikan kebebasan untuk mengemukakan idea masing-masing.

Mustapa kemudiannya akan bersama dengan rakan sejawatan ASEAN mengikuti jelajah Menteri Ekonomi ASEAN di San Francisco dan Lembah Silikon pada 17 dan 18 Februari.

Pada 19 Februari pula, beliau dijadual ke San Jose untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama dalam seminar Peluang Perniagaan Malaysia-AS.

Terdahulu di Los Angeles, kira-kira lima jam perjalanan dari sini, Mustapa merasmikan rangkaian ke-119 restoran kopitiam Papparich yang menyajikan masakan Malaysia termasuk nasi lemak. - UTUSAN



KERATAN akbar The Desert Sun.